

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini adalah untuk memberikan anda maklumat penting mengenai insurans anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Insurans Marine Cargo (Kargo Marin)?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap kerugian fizikal atau kerosakan pada barangan anda yang berlaku semasa transit dari satu lokasi ke lokasi lain, melalui sebarang bentuk pengangkutan (darat, laut, atau udara).

2 Ketahui Perlindungan Anda

Anda boleh menginsuranskan kepentingan berikut di bawah Polisi Insurans Marine Cargo (Kargo Marin):

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
• Fasal Institut Kargo (A) 1.1.09 untuk laut atau Fasal Institut Kargo untuk udara Ini merupakan bentuk perlindungan yang paling luas. Polisi ini melindungi semua risiko kerugian atau kerosakan pada barangan kecuali seperti yang diperuntukkan dalam pengecualian. • Fasal Institut Kargo (B) 1.1.09 Melindungi kerugian atau kerosakan barang yang disebabkan oleh: - o kebakaran atau letupan - o kapal yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik - o pengangkutan darat yang terbalik atau tergelincir - o perlanggaran atau pertembungan kapal dengan objek luaran selain daripada air - o pelepasan kargo di pelabuhan kecemasan - o gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat - o pengorbanan purata am - o pembuangan muatan daripada kapal (<i>general average</i>) - o kerugian terhadap barangan yang dihanyutkan keluar dari kapal akibat keadaan cuaca atau laut (<i>jettison</i>) - o kemasukan air laut, tasik atau sungai ke dalam kapal, pesawat, kontena, kotak pengangkut atau tempat simpanan - o Kerugian bungkusan yang jatuh dari kapal ke dalam laut atau tercicir semasa pemunggahan ke kapal, atau pemunggahan dari kapal • Peraturan Fasal Kargo (C) 1.1.09 - o kebakaran atau letupan - o kapal yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik - o pembangunan darat yang terbalik atau tergelincir - o perlanggaran atau pertembungan kapal dengan objek luaran selain daripada air - o pelepasan kargo di pelabuhan kecemasan - o pembuangan muatan daripada kapal (<i>general average</i>) - o kerugian terhadap barangan yang dihanyutkan keluar dari kapal akibat keadaan cuaca atau laut (<i>jettison</i>) Dengan bayaran premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi: - o Perang seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Perang (Kargo) - o Mogok seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Mogok (Kargo) - o Pemindahan Muatan (<i>Transshipment</i>)	• salah laku yang disengajakan oleh pihak diinsuranskan • kebocoran biasa, kehilangan berat atau isipadu biasa, serta haus & lusuh barang yang diinsuranskan • kekurangan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau penyediaan barang yang diinsuranskan • kecacatan dalaman atau sifat semula jadi barangan yang diinsuranskan • kelewatan, walaupun kelewatan itu disebabkan oleh risiko yang diinsuranskan • insolvensi atau kemungkiran kewangan pemilik/pengurus/ penyewa atau pengendali kapal. • ketidaklayakan kapall, masa pemuatan barangan ke dalamnya • kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang berpunca daripada penggunaan sebarang senjata peperangan, senjata peperangan yang menggunakan pembelahan dan/atau pelakuran atom atau nuklear atau tindak balas seumpamanya, atau kuasa atau bahan radioaktif Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

• Tempoh Perlindungan

Fasal Institute Kargo 1.1.09

Perlindungan bermula apabila barangan mula dialihkan dari gudang atau tempat penyimpanan yang dinyatakan dalam polisi bagi tujuan pemuatan segera ke dalam kenderaan pembawa atau pengangkutan lain untuk memulakan transit berterusan mengikut perjalanan biasa, dan akan tamat sama ada:

- Apabila selesai memunggah dari kenderaan pembawa atau kenderaan lain di atau pada gudang akhir atau tempat penyimpanan di destinasi yang dinyatakan dalam polisi, atau
- Apabila selesai memunggah dari kenderaan pembawa atau kenderaan lain di atau pada mana-mana gudang atau tempat penyimpanan, sama ada sebelum atau di destinasi yang dinyatakan dalam polisi yang dipilih oleh Pihak Diinsuranskan atau pekerja untuk tujuan penyimpanan selain daripada transit biasa atau untuk pembahagian atau pengagihan, atau
- Apabila Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja mereka memilih untuk menggunakan mana-mana kenderaan pembawa atau kenderaan lain bagi mana-mana kontena sebagai tempat penyimpanan selain daripada dalam perjalanan transit biasa, atau
- Apabila tempoh 60 hari telah berakhir selepas pelepasan barang yang diinsuranskan dari kapal luar negara di pelabuhan pelepasan terakhir,

Mana-mana yang berlaku dahulu.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Marine Cargo | Generali
Malaysia](http://Marine Cargo | Generali Malaysia)



E-mel kami di:
[customer.service.gi
@generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my)



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3

Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada jenis kargo, kaedah penghantaran, pelayaran, perlindungan yang diperlukan serta keperluan penajajaminan kami.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	15% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4

Terma Utama Lain

- Anda wajib mendedahkan semua fakta penting dengan tepat dalam setiap dokumen. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan polisi anda terbatal dan tidak sah.
- **Asas penilaian:** Anda mesti memastikan bahawa barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos utama barangan serta perbelanjaan berkaitan seperti penghantaran, pengangkutan yang anda bertanggungjawab serta caj insurans yang berkenaan.
- **Lebihan:** Ini ialah jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami memberi ganti rugi terhadap kerugian anda.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami, disertakan bukti bahawa penghantaran telah dibatalkan oleh pembeli/pembekal. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium akan dibuat mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi.